

Mahathir yakin Melayu boleh menjadi kuat

KUALA LUMPUR, Jumaat – Soal sama ada hak keistimewaan orang Melayu harus dipertahankan sehingga tahun 2020 diserahkan kepada mereka sendiri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Perdana Menteri yakin bangsa Melayu dapat memiliki semua kekuatan asas termasuk teknologi menjelang tempoh itu berikutan kesedaran mereka terhadap bidang pendidikan selepas era merdeka.

Menurutnya, sembilan cabaran dalam Wawasan 2020 supaya rakyat Malaysia menjadi bangsa yang kuat, maju dan berteknologi demi membolehkan mereka bersaing, bukan bertujuan mengikis hak keistimewaan orang Melayu.

“Bagaimanapun, saya

menyerahkan kepada kebijaksanaan orang Melayu untuk menentukan sama ada hak keistimewaan dan struktur masyarakat sedia ada dipertahankan menjelang tahun 2020.

“Saya sekadar mengilhamkan Wawasan 2020 dan cabarannya bagi membantu bangsa Malaysia bersiap sedia menghadapi masa depan serta pelbagai perubahan terutama di peringkat antarabangsa.

“Saya yakin sebarang perubahan ketika itu tidak dapat ditolak kerana kita berhadapan dengan realiti sejagat di samping teknologi maklumat yang semakin canggih,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab

soalan dalam sesi dialog dengan Gabungan Persatuan Pelajar Lulusan Maktab Rendah Sains Mara (Ansara).

Hadir sama ialah Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman; Pengerusi Mara, Senator Datuk Nazri Tan Sri Aziz; dan Pengerusi Ansara, Mukhriz Mahathir.

Terdahulu ketika menyampaikan ucapan bertajuk Minda dan Peranan Gabungan Profesional Muda Melayu Dalam Menghadapi Cabaran Wawasan 2020, Perdana Menteri berkata, kemampuan pelajar Melayu menceburi bidang profesional adalah bukti kejayaan dasar pendidikan selepas merdeka.